

Ezenol Tablet 160mg

Fenofibrate 160mg

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Ezenol Tablet 160mg
2. Bagaimana Ezenol Tablet 160mg Berfungsi
3. Sebelum Mengambil Ezenol Tablet 160mg
4. Cara Menggunakan Ezenol Tablet 160mg
5. Semasa Menggunakan Ezenol Tablet 160mg
6. Kesan-Kesan Sampingan
7. Cara Penyimpanan dan Pelupusan Ezenol Tablet 160mg
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP
11. Nombor Siri

Apakah kegunaan Ezenol Tablet 160mg

Ezenol Tablet 160mg digunakan untuk membantu mengawal kolesterol dan trigliserida, iaitu bahan seperti lemak dalam darah. Kolesterol didapati dalam kebanyakan makanan dan juga dihasilkan oleh hati dalam badan anda. Tahap kolesterol anda akan menjadi tinggi jika badan anda tidak mengimbangi jumlah kolesterol yang diperlukan dengan jumlah kolesterol yang diambil. Tahap kolesterol tinggi mungkin berlaku disebabkan penyakit tertentu atau jika keluarga anda mempunyai sejarah mengalami masalah kolesterol tinggi.

Apabila anda mempunyai tahap kolesterol yang tinggi, kolesterol mungkin 'kekak' dalam salur darah anda dan tidak dibawa ke bahagian badan yang memerlukannya. Lama-kelamaan kolesterol akan membentuk bahagian keras (dinamakan plak) pada dinding salur darah anda, menyebabkan darah lebih sukar mengalir. Saluran darah yang tersekat boleh menyebabkan penyakit jantung (seperti serangan jantung dan angina) dan strok.

Kolesterol dibawa dalam badan oleh protein yang berbeza, iaitu LDL (lipoprotein ketumpatan rendah) dan HDL (lipoprotein ketumpatan tinggi). Kolesterol LDL adalah kolesterol 'jahat' yang menyekat salur darah anda. Kolesterol HDL adalah kolesterol 'baik' yang menyingkirkan kolesterol 'jahat' dari salur darah.

Ezenol Tablet 160mg mengurangkan kolesterol jahat dan meningkatkan kolesterol baik, di kalangan kebanyakan pesakit Ezenol Tablet 160mg tidak mengurangkan kolesterol daripada lemak dalam makanan.

Oleh itu, apabila anda mengambil Ezenol Tablet 160mg, anda juga perlu mengamalkan pengambilan makanan rendah lemak dan langkah lain, seperti senaman dan mengawal berat badan.

Bagaimana Ezenol Tablet 160mg berfungsi

Ezenol Tablet 160mg berfungsi melalui pengaktifan reseptor nukleus sel PPAR, yang mengurangkan jumlah trigliserida dan kolesterol jahat yang dihasilkan dalam badan dan meningkatkan kolesterol baik.

Ezenol Tablet 160mg tergolong dalam kumpulan ubat dikenali sebagai derivatif asid fibrik.

Tanya doktor anda jika anda mempunyai sebarang soalan tentang mengapa ubat ini disyorkan kepada anda.

Doktor anda mungkin mengesyorkan ubat ini untuk tujuan lain.

Ubat ini tidak menimbulkan ketagihan.

Ubat ini hanya boleh didapati dengan preskripsi doktor.

Sebelum menggunakan Ezenol Tablet 160mg

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil Ezenol Tablet 160mg jika anda alah kepada:

- sebarang ubat yang mengandungi fenofibrate
- sebarang ubat yang mengandungi gemfibrozil
- sebarang bahan yang disenaraikan pada hujung risalah ini

Sesetengah gejala tindak balas alahan boleh termasuk ruam kulit, kegatalan, sesak nafas atau bengkak pada muka, bibir atau lidah, yang boleh menyebabkan kesukaran untuk menelan atau bernafas.

Jangan mengambil ubat ini jika anda hamil. Ia boleh memudaratkan bayi dalam kandungan jika anda mengambilnya semasa hamil.

Jangan menyusukan bayi jika anda mengambil ubat ini. Bahan aktif dalam Ezenol Tablet 160mg boleh meresap masuk ke dalam susu ibu dan ada kemungkinan ia memudaratkan bayi anda.

Jangan mengambil ubat ini jika anda menghidap:

- penyakit hati
- penyakit buah pinggang yang teruk.
- penyakit pundi hempedu atau pankreas
- mengalami sengal otot, sakit atau lemah otot akibat pengambilan ubat lain yang digunakan untuk merawat masalah kolesterol atau trigliserida tinggi.

Jangan beri Ezenol Tablet 160mg kepada orang lain yang berusia 18 tahun ke bawah.

Keselamatan dan keberkesanan Ezenol Tablet 160mg di kalangan kanak-kanak belum terbukti.

Ezenol Tablet 160mg

Fenofibrate 160mg

Jangan mengambil ubat ini selepas tarikh luput yang tertera pada pek atau pembungkusan rosak atau menunjukkan tanda dibega. Jika telah luput atau rosak, kembalikan ubat kepada ahli farmasi untuk dilupuskan

- Sebelum mula menggunakan Ezenol Tablet 160mg

Beritahu doktor anda jika anda alah kepada sebarang ubat lain, makanan, pengawet atau pewarna.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami atau pernah mengalami masalah perubatan berikut:

- masalah buah pinggang
- sengal otot, sakit atau lemah otot, bukan disebabkan oleh senaman

Beritahu doktor anda jika anda hamil, berhasrat untuk hamil atau menyusukan bayi.

Doktor anda boleh berbincang mengenai risiko dan faedah yang terbahit.

Jika anda belum memberitahu doktor anda tentang mana-mana perkara di atas, beritahu mereka sebelum anda mengambil Ezenol Tablet 160mg.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil ubat lain, termasuk ubat yang anda beli tanpa preskripsi daripada ahli farmasi anda, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat dan Ezenol Tablet 160mg mungkin mengganggu keberkesanan satu sama lain. Ubat ini termasuk:

- antikoagulan oral (ubat digunakan untuk mencegah darah beku)
- ubat lain yang mengawal kolesterol termasuk fibrates

- 'cyclosporin' (sejenis ubat yang mengekang sistem imun)

Ubat di atas mungkin dipengaruhi Ezenol Tablet 160mg, atau boleh menjejaskan fungsinya. Anda mungkin perlu menggunakan ubat anda dalam jumlah yang berlainan, atau mengambil ubat yang berlainan.

Doktor anda mempunyai lebih banyak maklumat mengenai ubat yang perlu diberi perhatian atau dielakkan semasa anda mengambil Ezenol Tablet 160mg.

Cara menggunakan Ezenol Tablet 160mg

- Berapa banyak harus digunakan

Dos permulaan yang disyorkan ialah 160 mg setiap hari, diambil 1 x 160 mg pil.

- Bila perlu digunakan

Ezenol Tablet 160mg boleh diambil setiap hari pada bila-bila masa, dengan atau tanpa makanan. Sebarang langkah berkaitan diet yang dimulakan sebelum rawatan dengan Ezenol Tablet 160mg harus diteruskan.

Ambil Ezenol Tablet 160mg pada masa lebih kurang sama setiap hari. Pengambilan ubat anda pada masa yang sama setiap hari akan memberi kesan terbaik. Ini juga akan membantu mengingatkan anda bila untuk mengambil ubat anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan pengambilan ubat anda selagi diberitahu oleh doktor atau ahli farmasi anda.

Ezenol Tablet 160mg membantu mengawal tahap kolesterol (LDL dan juga HDL) dan trigliserida anda. Ia tidak menyembuhkan penyakit anda. Oleh itu anda perlu terus mengambilnya seperti yang diarahkan oleh doktor jika anda ingin mengawal

tahap kolesterol anda. Jika anda berhenti mengambil Ezenol Tablet 160mg, tahap kolesterol anda mungkin menjadi tidak normal semula.

- Jika terlupa menggunakan

Jika sudah hampir dengan masa untuk mengambil dos anda yang seterusnya, tinggalkan dos yang terlupa dan ambil dos seterusnya pada masa yang sepatutnya.

Jika tidak, ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat, dan kemudian ambil ubat anda mengikut jadual biasa.

Jangan gantikan dos untuk menggantikan dos yang terlupa ambil.

Ini boleh meningkatkan peluang mendapat kesan sampingan yang tidak diingini.

Jika anda tidak pasti apa yang perlu dilakukan, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

Jika anda sukar mengingat masa untuk mengambil ubat anda, minta nasihat daripada ahli farmasi anda.

- Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Segera telefon doktor anda atau dapatkan nasihat dari Pusat Maklumat Racun atau pergi ke bahagian Kemalangan dan Kecemasan hospital yang berhampiran, jika anda fikir anda atau orang lain mungkin telah mengambil terlalu banyak Ezenol Tablet 160mg. Ini mesti dilakukan walaupun tiada tanda ketidakselesaan atau keracunan.

Anda mungkin perlu mendapatkan perhatian perubatan.

Gejala terlebih dos mungkin termasuk:

- cirit-birit
- loya

Ezenol Tablet 160mg

Fenofibrate 160mg

Semasa menggunakan Ezenol Tablet 160mg

- Perkara yang perlu dilakukan

Jalani pemeriksaan lemak darah apabila diminta oleh doktor anda untuk memastikan keberkesanan Ezenol Tablet 160mg.

Jika anda akan mula mengambil sebarang ubat baru, ingatkan doktor dan ahli farmasi anda bahawa anda mengambil Ezenol Tablet 160mg.

Beritahu mana-mana doktor lain, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda mengambil ubat ini.

Jika anda akan menjalani pembedahan, beritahu pakar bedah bahawa anda mengambil ubat ini.

Jika anda hamil semasa mengambil ubat ini, segera beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan menggunakan ubat ini untuk merawat masalah lain kecuali diberitahu oleh doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan beri ubat anda kepada orang lain, sekalipun mereka mengalami keadaan yang sama dengan anda.

Jangan berhenti mengambil Ezenol Tablet 160mg, atau menukar dos tanpa berbincang dengan doktor anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Elakkan pengambilan alkohol dalam jumlah yang banyak semasa anda mengambil ubat ini. Pengambilan alkohol yang banyak boleh meningkatkan kemungkinan Ezenol Tablet 160mg menyebabkan masalah hati.

Menurunkan tahap kolesterol yang tinggi boleh membantu mengurangkan kemungkinan anda

menghidap Penyakit Jantung Koronari (CHD).

Bagaimanapun, kemungkinan anda menghidap CHD boleh meningkat disebabkan beberapa faktor lain termasuk tekanan darah tinggi, merokok, diabetes, berat badan berlebihan, sejarah keluarga yang menghidap CHD, lelaki atau wanita yang mengalami menopause.

Beberapa langkah yang boleh dilakukan sendiri yang dicadangkan di bawah boleh membantu keadaan anda dan mengurangkan kemungkinan anda menghidap CHD. Bincang dengan doktor anda, ahli farmasi, atau pakar diet tentang langkah ini dan untuk maklumat lanjut.

- Diet – teruskan pengambilan makanan rendah lemak yang disyorkan oleh doktor anda, pakar diet atau ahli farmasi.
- Berat Badan – doktor anda mungkin menasihati anda untuk menurunkan berat badan jika berat badan anda berlebihan.
- Senaman – jadikan senaman sebahagian dalam rutin anda –berjalan kaki membawa manfaat. Minta nasihat dari doktor anda sebelum memulakan senaman.
- Merokok- doktor anda akan menasihati anda agar berhenti merokok.

Kesan-kesan sampingan

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda secepat mungkin jika anda rasa tidak sihat semasa anda mengambil Ezenol Tablet 160mg.

Ubat ini membantu kebanyakan orang yang mengalami masalah kolesterol tinggi, tetapi mungkin memberi kesan sampingan yang tidak diingini bagi segelintir orang. Semua ubat mempunyai sesetengah kesan sampingan yang tidak diingini.

Kadang-kadang kesan sampingan ini serius, tetapi selalunya tidak. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan jika anda mengalami sesetengah daripada kesan sampingan ini.

Jangan khuatir dengan senarai kesan sampingan yang mungkin dialami. Anda mungkin tidak mengalami mana-mana satu daripadanya.

Sila minta doktor atau ahli farmasi anda menjawab sebarang kemusykilan anda.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mendapati sebarang kesan sampingan berikut dan keadaan ini membimbangkan anda:

- sakit perut atau ketidakselesaan
- sakit belakang
- sakit kepala
- keletihan atau rasa lemah yang luar biasa
- cirit-birit
- loya
- tindak balas kulit
- Tindak balas fotosensitiviti

Senarai di atas termasuk kesan sampingan ubat anda yang lebih umum. Kesan sampingan ini biasanya ringan dan tidak berlarutan.

Jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan yang berikut, segera beritahu doktor anda atau pergi ke bahagian kemalangan dan kecemasan hospital yang berhampiran:

- kesukaran bernafas
- sakit dada
- lumpuh pada otot sementara
- kekuningan pada kulit dan mata serta air kencing berwarna gelap

Senarai di atas termasuk dalam kesan sampingan yang sangat serius. Anda mungkin perlu mendapatkan

Ezenol Tablet 160mg

Fenofibrate 160mg

perhatian perubatan. Kesan sampingan ini jarang berlaku.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mendapati apa jua yang membuatkan anda rasa kurang sihat.

Kesan sampingan lain yang tidak tersenarai mungkin berlaku di kalangan sesetengah orang.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npa.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Ezenol Tablet 160mg

- Penyimpanan

Simpan pil anda dalam pek hingga tiba masa untuk mengambilnya. Jika anda mengeluarkannya daripada kotak atau pek gelembung ia mungkin tidak dapat dikekalkan dalam keadaan baik.

Simpan ubat di tempat yang sejuk dan kering dengan suhu di bawah 30°C.

Jangan simpan ubat anda dalam bilik mandi atau dekat sink, atau di atas bendul. Jangan tinggalkan ubat ini dalam kereta. Hawa panas dan lembap boleh merosakkan sesetengah ubat.

Simpan di tempat yang tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak. Tempat yang baik untuk menyimpan ubat ialah almari berkunci setinggi sekurang-kurangnya satu setengah meter dari lantai.

- Pelupusan

Jika doktor atau ahli farmasi anda mengarahkan anda berhenti mengambil ubat ini, atau jika ubat

anda telah melepasi tarikh luput, tanya ahli farmasi anda apa yang patut dilakukan dengan sebarang sisa ubat.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Tablet bujur dan bersalut filem putih dengan 'FENO' pada sebelah dan tiada tanda pada sebelah lain.

Ezenol Tablet 160mg boleh didapati di dalam pek blister 3x 10 tablet.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
 - Fenofibrate
- Bahan tidak aktif
 - Corn Starch
 - Sodium Stearyl Fumarate
 - Colloidal Silicon Dioxide
 - Povidone 30
 - Purified Water
 - Lactose Monohydrate
 - Microcrystalline Cellulose
 - Croscarmellose Sodium
 - Sodium Lauryl Sulfate / Sodium Lauryl Sulphate
 - Croscarmellose Sodium
 - Opadry White

- Nombor MAL:
MAL14085013AZ

Pengilang

Duopharma Manufacturing (Bangi) Sdn Bhd
Lot No 2 & 4, Jalan P/7, Section 13, Bangi Industrial Estate, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor.

Pemegang Pendaftaran Produk

Duopharma Marketing Sdn. Bhd
Lot 2, 4, 6, 8 & 10, Jalan P/7, Section 13, Bangi Industrial Estate, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor.

Tarikh kemaskini RiMUP

- 12/05/2020

Nombor Siri

NPRA(R2/1)200510/438